




MTEM

Hentikan amalan 'ali baba' Ms.20

BH BISNES



Pertumbuhan perlahan penumpang hanya sementara

Industri penerbangan, pelancongan negara tak terjejas: Penganalisis

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kadar pertumbuhan perlahan penumpang di lapangan terbang utama negara bersifat sementara dan dijangka tidak akan menjejaskan industri penerbangan dan pelancongan negara, kata pakar ekonomi.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pelbagai faktor menyumbang kepada kadar pertumbuhan perlahan itu, terutama ketidaktentuan suasana ekonomi global yang menyebabkan kurangnya penumpang daripada luar negara.

Bagaimanapun, katanya, industri terbabit tidak boleh menunggu sehingga ekonomi global kembali pulih dengan sendirinya tetapi perlu terus memartabatkan industri penerbangan tempatan.

Beliau berkata, antara yang perlu dipertingkatkan adalah dari sudut penumpang antarabangsa di KLIA menunjukkan bahawa ada penurunan sebanyak 0.2 peratus bagi tempoh dua bulan pertama 2019 yang mana ia banyak disumbang oleh penumpang bukan ASEAN yang turun sebanyak 1.5 peratus.

"Penambahbaikan lapangan terbang sememangnya sesuatu yang perlu kerana ia juga boleh menjadi suatu daya tarikan pelancong. Secara kasarnya, pertumbuhan penumpang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) masih lagi positif, iaitu 1.5 peratus bagi tempoh dua bulan pertama 2019.

"Pertumbuhan itu banyak disumbang oleh penumpang domestik yang mana ia mencatatkan pertumbuhan 6.3 peratus bagi tempoh yang sama. Ini

menunjukkan rakyat Malaysia cenderung untuk menggunakan perkhidmatan pesawat komersial bagi tujuan perjalanan domestik," katanya.

Data penumpang antarabangsa turun

Afzanizam berkata, bagaimanapun, data bagi penumpang antarabangsa di KLIA menunjukkan bahawa ada penurunan sebanyak 0.2 peratus bagi tempoh dua bulan pertama 2019 yang mana ia banyak disumbang oleh penumpang bukan ASEAN yang turun sebanyak 1.5 peratus.

Kelmarin, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam hantarannya di Facebook mempersoalkan kerajaan mengenai kejatuhan kadar pertumbuhan penumpang di KLIA dan klia2.

Katanya, ia akan memberi impak kepada industri pelancongan dan syarikat berkaitan industri penerbangan tempatan.

Pelan pemulihan Malaysia Airlines Bhd dan keuntungan

serta nilai saham syarikat Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) juga katanya, akan terjejas jika kadar pertumbuhan penumpang di KLIA dan klia2 tidak memulih.

Nilai syarikat MAHB jatuh RM3.7 bilion sejak Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) selepas harga saham menurun dari RM9.50 sehingga RM7.20 minggu lalu.

Tingkatkan segera industri pelancongan

Sementara itu, Pengarah Projek Strategik UniKL, Prof Madya Dr Aimi Zulhazni Abdul Rashid, berkata kadar pertumbuhan perlahan industri pelancongan seiring dengan prestasi negara di Asia Tenggara, namun ia masih kekal positif.

Beliau berkata, sektor pelancongan menyumbang hampir 15 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Negara dan antara sektor ekonomi penting, terutama di dalam tukaran wang asing. **→ Lihat Ms.20**



Antara yang perlu dipertingkatkan adalah dari sudut pelaburan bagi menambah kapasiti lapangan terbang"

Mohd Afzanizam Abdul Rashid, Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd



MTE

Biar PM tentukan kedudukan Malaysia Airlines Ms.21



TNB

Komited bangun tenaga mesra alam Ms.22

→ **BISNES**

Perpaduan ASEAN tangani orde baharu perdagangan

Sekumpulan pakar membuat kesimpulan bahawa 'tindakan perlindungan' oleh negara anggota ASEAN dan kurangnya persepakan dalam blok itu adalah antara kelemahan yang perlu diatasi untuk menangani orde baharu perdagangan.

Pengerusi Institut Penyelidikan CIMB ASEAN (CARI), Tan Sri Munir Majid, berkata ASEAN perlu menjalin kerjasama yang mendalam sesama anggota dalam blok itu untuk memastikan keutuhannya dalam kalangan pesaing.

"Keazaman politik ASEAN sama ada akan meningkatkan atau memecahkan aspirasi integrasi blok terbabit.

"Ia akan menentukan sama ada ASEAN keluar daripada orde perlindungan perdagangan atau menggagalkannya daripada trajektori penyepaduan," katanya dalam kenyataan semalam.

Faktor luaran utama

Kenyataan itu adalah sebahagian daripada Siri Meja Bulat CARI bertajuk 'Bagaimanakah ASEAN menangani gangguan orde baharu perdagangan?'

Sementara itu, Profesor Madya Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa (IKMAS) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Kuik Cheng Chwee, berkata ketidaktentuan perdagangan Amerika Syarikat (AS) yang semakin meningkat menjadi faktor luaran utama yang membentuk keselamatan dan persekitaran ekonomi Asia Tenggara di era Donald Trump-Xi Jinping.

"Namun isunya bukan hanya mengenai perdagangan, malah membabitkan risiko persaingan kuasa, bahaya peminggiran ASEAN dan politik perkongsian pembangunan infrastruktur," katanya.

Cheng Chwee menegaskan bahawa cabaran dan peluang yang berpunca daripada ketidaktentuan struktur sudah mendorong negeri serantau bersaiz sederhana dan kecil untuk mengukuhkan amalan perlindungan masing-masing.

Fahami corak kebangkitan China

Mengulas pandangan sarna, Penasihat Kehormat Dewan Perniagaan Malaysia-China, Ng Lip Yong, berkata negara anggota ASEAN mungkin akan mengutamakan kepentingan negara mengatasi kepentingan serantau ASEAN, di tengah-tengah ketegangan semasa perdagangan AS-China.

"Walaupun ASEAN sering dianggap sebagai blok ekonomi, ASEAN tidak mungkin akan bertindak balas terhadap senario perdagangan baharu itu bersama-sama," katanya.

Memetik kes rundingan perjanjian perdagangan bebas-Kesatuan Eropah-ASEAN (FTA), dengan hanya Singapura dan Vietnam menandatangani FTA dengan EU, Lip Yong berkata, senario perdagangan baharu menghasilkan perjanjian dua hala dan bukannya pelbagai hala.

Menyentuh mengenai isu berkaitan China dan ASEAN, Pengarah Eksekutif Institut Pulau Pinang, Datuk Ooi Kee Beng, berkata kebangkitan China dalam beberapa dekad kebelakangan ini mencetuskan kebimbangan dalam kalangan jiran kecilnya.

BERNAMA



Rasuah menjadi punca kepada masalah ini. Usahawan yang menerima projek menyerahkan kepada pihak lain untuk melaksanakannya untuk mendapat untung atas angin"

Ahmad Yazid Osman, Ketua Pegawai Eksekutif MTEM

MTEM gesa usahawan henti amalan 'ali baba'

Bumiputera diminta usah persiakan peluang diberi kerajaan

Oleh Mohd Zaky Zainuddin dan Mahani Ishak
bhbiz@bh.com.my

Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM) menggesa usahawan Bumiputera menghentikan amalan 'ali baba' apabila menerima projek kerajaan.

Ketua Pegawai Eksekutif MTEM, Ahmad Yazid Osman,

berkata Bumiputera banyak mempersiapkan peluang yang diberikan sehingga menjejaskan perkembangan ekonomi golongan berkenaan.

"Rasuah menjadi punca kepada masalah ini. Usahawan yang menerima projek menyerahkan kepada pihak lain untuk melaksanakannya untuk mendapat untung atas angin.

Untung atas angin

"Malah, ada juga mereka yang mendapat projek ini sebenarnya tidak layak tetapi atas dasar kroni ia menidakkkan peluang orang lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi bertajuk Melayu Bertongkat Ke Melayu Berwawasan - Pemerkasaan Agenda Bumiputera sempena Konvensyen Kebangkitan Harimau Asia di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Uni-

versiti Teknologi Mara (UiTM), di Shah Alam, semalam.

Antara menjadi panel ialah Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina Mohd Harun; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr Radzi Jidin dan Penyelidik Institut Kajian Asia Tenggara (ISEAS)-Institut Yusof Ishak, Lee Hwok-Aun.

Ahmad Yazid berkata, adalah malang bagi golongan Bumiputera kerana sudah menerima kontrak berjumlah RM674.4 bilion daripada RM1.1 trilion sejak 20 tahun lalu tetapi hanya menyumbang sekitar sembilan peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Bumiputera sepatutnya menjadi pembekal rantaian kepada ekonomi pelbagai sektor tetapi mereka malah mengguna 'tongkat' yang diberikan kerajaan," katanya.

CPTPPA, RCEP tiada impak signifikan

Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPPA) dalam CPTPPA sebenarnya tidak memihak kepada Bumiputera kerana berlaku pelanggaran hak di mana ahli yang menentukan tempoh keistimewaan bukannya negara kita.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Melayu (MTEM), Ahmad Yazid Osman, berkata dua perjanjian perdagangan berkenaan tidak adil apatah lagi berkaitan kepada Bumiputera.

"Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur-Negara (ISDS) dalam CPTPPA sebenarnya tidak memihak kepada Bumiputera kerana berlaku pelanggaran hak di mana ahli yang menentukan tempoh keistimewaan bukannya negara kita.

Perjanjian tidak adil

"Kita bagaikan tiada kedudukan kerana negara luar, termasuk syarikat asing boleh menyaman negara kita kerana keistimewaan

kepada golongan Bumiputera menjejaskan mereka.

"Sebab itu saya sifatkan perjanjian ini tidak adil kepada rakyat kita khususnya Bumiputera," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi bertajuk Melayu Bertongkat Ke Melayu Berwawasan - Pemerkasaan Agenda Bumiputera sempena Konvensyen Kebangkitan Harimau Asia di Dewan Agung Tuanku Canselor (DATC), Universiti Teknologi Mara (UiTM),

di Shah Alam, semalam.

Merujuk kepada RCEP pula, Ahmad Yazid berkata, rundingan kerajaan terdahulu dengan pihak berkepentingan sebenarnya dilakukan tidak secara menyeluruh.

Katanya, hasil data yang diperoleh menunjukkan tiada kelebihan signifikan kepada negara.

"Kerajaan baharu perlu memperhalusi untuk mengelakkan berlaku ketidakadilan kepada rakyat kita," katanya.

Penumpang Malaysia dijangka meningkat

Dari Ms.19

kedua tahun ini.

"Sekiranya program itu berjaya, ia akan membantu industri penerbangan untuk meningkat. Perkara ini hanya boleh dicapai melalui secara program pemasaran permintaan dan pembekalan," katanya.

Pertumbuhan ketiga tinggi

Bagi Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula, beliau berkata, berda-

sarkan laporan Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA), Asia dijangka akan mencatat pertumbuhan penumpang ketiga tertinggi selepas Afrika dan Timur Tengah, iaitu 4.6 peratus untuk 2016 hingga 2036.

Beliau berkata, trafik penumpang di lapangan terbang di bawah seliaan MAHB juga mencatatkan pertumbuhan 2.3 peratus, iaitu 99 juta penumpang pada 2018.

Penumpang Malaysia pada 2019 dijangka meningkat 4.9

peratus dengan antarabangsa meningkat 2.4 peratus dan tempatan sebanyak 7.6 peratus.

"Oleh itu syarikat berkaitan industri penerbangan seperti MAHB tidak akan terjejas, sekali gus pegerakan operasi dan pemberhentian pekerja tidak akan berlaku.

"Prestasi kewangan MAHB pada 2018 juga lebih baik daripada 2017. Kejatuhan harga saham MAHB hanya disebabkan sentimen secara keseluruhan manakala fundamental MAHB masih kukuh," katanya.